



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

PANDUAN PENGGUNA DAN SOALAN LAZIM

SSM BizTrust v1.0

Disediakan Oleh
Bahagian Pemasaran dan Pembangunan
Perniagaan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

4 Oktober 2022

ISI KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 RINGKASAN – KOD QR SSM BIZTRUST.....	1
1.2 RINGKASAN – APLIKASI MySSM.....	1
1.3 RINGKASAN – PORTAL EZBIZ ONLINE.....	2
BAB 2 MANUAL / GARIS PANDUAN.....	3
2.1 KOD QR SSM BIZTRUST MELALUI APLIKASI MySSM	
2.1.1 Aliran Proses.....	4
2.1.1.1 Langkah-langkah memuat turun aplikasi MySSM.....	4
2.1.1.2 Langkah-langkah mengimbas Kod QR SSM BizTrust melalui MySSM.....	4
2.2.1 Aliran Proses.....	8
2.2.1.1 Langkah-langkah memuat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.....	8
2.2.1.2 Langkah-langkah memuat naik Kod QR SSM BizTrust pada platform dalam talian.....	9
2.3 KEMASKINI MAKLUMAT ALAMAT URL PERNIAGAAN MELALUI PORTAL EZBIZ ONLINE	
2.3.1 Aliran Proses.....	11
2.3.1.1 Langkah-langkah mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan.....	11
BAB 3 SOALAN-SOALAN LAZIM.....	14
3.1 MAKLUMAT AM	
3.1.1 Soalan lazim berkaitan Kod QR SSM BizTrust.....	14

BAB 1 PENGENALAN

1.1 RINGKASAN – KOD QR SSM BIZTRUST

SSM BizTrust merupakan *business starter kit* yang berfungsi sebagai identiti digital atau *digital identification* kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.

Business starter kit ini adalah berbentuk Kod QR yang akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status serta alamat URL perniagaan yang bertujuan untuk memperkasakan pematuhan ke atas entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM melalui peruntukan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM.

Kod QR SSM BizTrust hanya boleh diimbas menggunakan aplikasi rasmi SSM (MySSM). Aplikasi MySSM ini boleh dimuat turun secara percuma melalui Apple App Store, Google Play Store, dan Huawei AppGallery.

1.2 RINGKASAN – APLIKASI MySSM

MySSM merupakan satu (1) aplikasi mudah alih rasmi SSM yang menawarkan perkhidmatan capaian maklumat berkaitan entiti perniagaan (Pendaftaran Perniagaan,

Pemerbadanan Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad) melalui peranti mudah alih.

Modul e-Perkhidmatan SSM yang ditawarkan oleh aplikasi MySSM ialah:

- (a) e-Semak;
- (b) e-Kueri;
- (c) e-Kompaun;
- (d) Status 308; dan
- (e) SSM BizTrust.

1.3 RINGKASAN – PORTAL EZBIZ ONLINE

Portal Ezbiz Online merupakan sebuah sistem perkhidmatan bagi Pendaftaran Perniagaan secara dalam talian yang disediakan oleh SSM dan menawarkan perkhidmatan seperti:

- (a) Pendaftaran Perniagaan Baharu;
- (b) Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan;
- (c) Perubahan Maklumat Perniagaan;
- (d) Penamatan Perniagaan; dan
- (e) Perkhidmatan Kompaun.

Portal (<https://ezbiz.ssm.com.my/>) boleh dilayari 24 jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja.

BAB 2 MANUAL / GARIS PANDUAN

Manual Pengguna ini bertujuan untuk membantu pengguna berkaitan:

- (a) Langkah-langkah menggunakan Kod QR SSM BizTrust sebagai satu (1) kaedah baharu semakan maklumat sesebuah entiti perniagaan melalui aplikasi MySSM;
- (b) Langkah-langkah memuat turun dan memuat naik Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online; dan
- (c) Langkah-langkah mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan melalui portal Ezbiz Online.

2.1 KOD QR SSM BIZTRUST MELALUI APLIKASI MySSM

2.1.1 Aliran Proses

2.1.1.1 Langkah-langkah memuat turun aplikasi MySSM

LANGKAH	TINDAKAN
1	Pengguna boleh muat turun aplikasi MySSM melalui Apple App Store / Google Play Store / Huawei AppGallery. Klik <i>Get / Install</i> untuk muat turun.
2	Ikon aplikasi seperti di bawah akan terpapar selepas MySSM dimuat turun: 

2.1.1.2 Langkah-langkah mengimbas Kod QR SSM BizTrust melalui MySSM

LANGKAH	TINDAKAN
1	Klik ikon MySSM pada peranti mudah alih. 

2	<p>Skrin utama dan navigasi utama akan terpapar.</p> <p>Klik pada modul “SSM BizTrust”.</p> 
3	<p>Skrin akan memaparkan pengenalan berkenaan Kod QR SSM BizTrust.</p>

	<p>Klik ‘Teruskan’ untuk imbas.</p>
4	<p>Sentuh skrin peranti untuk imbas Kod QR SSM BizTrust.</p>

	
5	Imbas Kod QR yang terpapar pada laman web / media sosial / Perakuan Pendaftaran (Borang D) / Perakuan Pembaharuan Pendaftaran (Borang E).
6	Imbasan yang berjaya akan memaparkan maklumat yang telah didaftarkan.

7	Bagi tujuan semakan, pengguna boleh membuat perbandingan maklumat pada dokumen yang dicetak dengan maklumat yang terpapar pada peranti. Maklumat perniagaan pada imbasan Kod QR adalah sahij dalam rekod SSM.
8	Notifikasi imbasan yang gagal akan terpapar jika situasi melibatkan:


	<p>(a) Kod QR yang diimbas adalah berbeza daripada Kod QR yang dikeluarkan oleh SSM; atau</p> <p>(b) Kod QR diimbas menggunakan aplikasi selain daripada aplikasi MySSM.</p>
--	--

2.2 KOD QR SSM BIZTRUST MELALUI PORTAL EZBIZ ONLINE

2.2.1 Aliran Proses

2.2.1.1 Langkah-langkah memuat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online

LANGKAH	TINDAKAN
1	<p>Log masuk akaun Ezbiz Online menggunakan ID Pengguna dan kata laluan.</p> 

2	<p>Klik ‘Other Services’ pada menu utama dan pilih ‘SSM BizTrust QR Code’.</p> 
3	<p>Klik  untuk paparan Kod QR SSM BizTrust.</p> 
4	<p>Klik ‘Download’ untuk muat turun Kod QR SSM BizTrust.</p> 

2.2.1.2 Langkah-langkah memuat naik Kod QR SSM BizTrust pada platform dalam talian

(1) INSTAGRAM

PILIHAN I

LANGKAH	TINDAKAN
1	Klik 'Download' untuk memuat turun Kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal Ezbiz Online.
2	Log masuk akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan.
3	Klik '+' untuk muat naik kod QR SSM BizTrust ke Instagram Post.
4	Klik 'Next' dan tulis kapsyen yang bersesuaian.
5	Klik 'Share' dan imej kod QR akan dipaparkan.

PILIHAN II

LANGKAH	TINDAKAN
1	Klik 'Download' untuk memuat turun Kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal Ezbiz Online.
2	Log masuk akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan.
3	Leret ke kanan untuk muat naik kod QR SSM BizTrust ke Instagram Story.
4	Klik 'Send to' dan imej kod QR SSM BizTrust akan dipaparkan.

(2) FACEBOOK PAGE

LANGKAH	TINDAKAN
1	Klik 'Download' untuk memuat turun Kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal Ezbiz Online.
2	Log masuk akaun Facebook Page perniagaan yang daftarkan.
3	Klik 'News Feed' dan klik 'Photo' untuk pilih imej kod QR SSM BizTrust untuk dimuat naik ke Facebook Post.
4	Klik 'Publish' dan imej Kod QR SSM BizTrust akan dipaparkan.
5	Klik '...' dan klik 'Pin Post' untuk mengekalkan post tersebut sentiasa berada di atas Timeline Facebook Page.

(3) LAMAN SESAWANG

LANGKAH	TINDAKAN
1	Klik 'Download' untuk memuat turun Kod QR SSM BizTrust (imej dalam format JPEG) melalui portal Ezbiz Online.
2	Muat naik Kod QR SSM BizTrust di bahagian <i>footer</i> sama ada pada belah kiri atau kanan laman sesawang.

Nota:



- i. Kaedah memuat naik Kod QR SSM BizTrust adalah bergantung pada jenis sesawang. Aktiviti memuat naik Kod QR SSM BizTrust disarankan dilakukan oleh *web developer* laman sesawang tersebut; dan
- ii. Skala minima paparan Kod QR adalah 3.0 cm persegi dan jelas dibalas apabila diimbas.


2.3 KEMASKINI MAKLUMAT ALAMAT URL PERNIAGAAN MELALUI PORTAL EZBIZ ONLINE

2.3.1 Aliran Proses

2.3.1.1 Langkah-langkah mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan melalui Ezbiz Online

LANGKAH	TINDAKAN
1	Log masuk akaun Ezbiz Online menggunakan ID Pengguna dan kata laluan.
2	Klik 'Other Services' di laman menu utama untuk ke menu 'URL Address Information'. 

	
3	<p>Pilih perniagaan yang dikehendaki (sekiranya ada) dan klik 'Proceed'.</p> 
4	<p>Isi maklumat yang diperlukan dan klik 'Add/Update'.</p> 

5	<p>Maklumat yang dikemaskini akan tertera.</p>  <p>Pengguna boleh mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan (sekiranya ada) dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Klik ‘’ untuk membuat pindaan ke atas alamat URL perniagaan; atau ii. Klik ‘’ untuk membatalkan pendaftaran alamat URL perniagaan.
6	<p>Alamat URL perniagaan akan terpapar pada Kod QR SSM BizTrust.</p> 

BAB 3 SOALAN-SOALAN LAZIM

3.1 MAKLUMAT AM

3.1.1 Soalan Lazim Berkaitan Kod QR SSM BizTrust

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah SSM BizTrust?	SSM BizTrust adalah <i>business starter kit</i> yang dibekalkan dalam bentuk Kod QR atau <i>digital seal</i> yang berfungsi sebagai pengesahan dan pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.
2.	Siapakah yang layak mendapatkan Kod QR SSM BizTrust?	Perniagaan yang berdaftar dengan SSM, sama ada aktiviti perniagaan dijalankan secara fizikal ataupun secara dalam talian.
3.	Adakah pengimbas Kod QR lain boleh digunakan untuk mengimbas Kod QR SSM BizTrust?	Tidak, hanya aplikasi MySSM sahaja yang berfungsi untuk mengimbas Kod QR SSM BizTrust.
4.	Bagaimana untuk mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan pada Kod QR SSM BizTrust?	Pemilik perniagaan yang ingin mengemaskini maklumat alamat URL perniagaan perlu berdaftar dengan SSM dan mempunyai akaun Ezbiz Online.
5.	Bagaimana untuk membuat penambahan maklumat alamat	Langkah 1: Log masuk Ezbiz Online. Langkah 2: Klik 'Other Services'.

	URL perniagaan pada Kod QR SSM BizTrust?	<p>Langkah 3: Klik ‘My SSM BizTrust > URL Address Information’.</p> <p>Langkah 4: Pilih perniagaan yang dikehendaki dan klik ‘Proceed’.</p> <p>Langkah 5: Isi e-Borang URL Address Information dan klik ‘Add/Update’.</p> <p>Langkah 6: Klik ‘Preview’.</p> <p>Langkah 7: Klik ‘Update’.</p> <p>Langkah 8: Buat pengesahan kemaskini maklumat dengan klik ‘Ok’.</p>
6.	Bagaimana untuk membatalkan maklumat alamat URL perniagaan pada Kod QR SSM BizTrust?	<p>Langkah 1: Log masuk Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Klik ‘Other Services’.</p> <p>Langkah 3: Klik ‘My SSM BizTrust > URL Address Information’.</p> <p>Langkah 4: Klik ‘’ pada alamat URL perniagaan yang ingin dibatalkan.</p> <p>Langkah 5: Buat pengesahan pembatalan dengan klik ‘Ok’.</p>
7.	Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya Kod QR SSM BizTrust tidak dapat dimuat turun?	Sila tunggu selama 24 jam dan cuba untuk layari semula portal Ezbiz Online. Sekiranya masih terdapat permasalahan, sila hubungi:

		<p>Pusat Panggilan SSM: 03-7721 4000 Faks: 03-7721 4001 E-mel: <u>enquiry@ssm.com.my</u>.</p> <p>Waktu operasi Pusat Panggilan: Isnin-Ahad 8.00 pagi – 5.00 petang Cuti Am Tutup</p>
8.	Adakah tindakan penguatkuasaan akan dikenakan sekiranya Kod QR SSM BizTrust tidak dipaparkan?	<p>Tiada tindakan penguatkuasaan yang akan dikenakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, entiti perniagaan serta orang awam adalah digalakkan untuk menggunakan Kod QR SSM BizTrust melalui aplikasi MySSM bagi membantu mengenal pasti kesahihan maklumat korporat sesebuah entiti perniagaan tersebut.</p>
9.	Saya adalah pemilik Pemerbadanan Syarikat (ROC) / Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), bagaimana saya ingin memiliki kod QR SSM BizTrust?	<p>Buat masa ini, Kod QR SSM BizTrust hanya ditawarkan kepada entiti yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (ROBA 1956) sahaja.</p> <p>Walau bagaimanapun, entiti Pemerbadanan Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad boleh mendapatkan <i>digital seal</i> SSM BizTrust melalui permohonan secara percuma di portal https://biztrust.ssm.com.my/.</p>

10.	Berapa fi yang dikenakan untuk memuat turun Kod QR SSM BizTrust?	Tiada sebarang fi dikenakan.
11.	Apakah maklumat yang terkandung di dalam Kod QR SSM BizTrust?	Maklumat yang terkandung di dalam Kod QR SSM BizTrust adalah: (i) Nama entiti perniagaan; (ii) Nombor entiti perniagaan; (iii) Status; dan (iv) Alamat URL perniagaan.
12.	Di manakah Kod QR SSM BizTrust boleh dipaparkan?	Kod QR SSM BizTrust boleh dipaparkan pada mana-mana: (i) Platform perniagaan (i.e. laman sesawang, media sosial, premis perniagaan); atau (ii) Platform hebahan (i.e. bunting, kad perniagaan).
13.	Bagaimana kaedah imbasan Kod QR SSM BizTrust dilakukan melalui aplikasi MySSM?	Langkah 1: Tekan menu atau ikon SSM BizTrust pada laman utama MySSM. Langkah 2: Tekan ‘Teruskan’. Langkah 3: Tekan ‘Sentuh skrin untuk imbas’. Langkah 4: Halakan Kod QR di dalam kawasan imbasan. Langkah 5: Selepas mengimbas, maklumat perniagaan (nama, nombor

		pendaftaran, status dan alamat URL perniagaan) akan terpapar.
14.	Mengapa output imbasan Kod QR memaparkan notifikasi “Kod QR tidak sah”?	Notifikasi ini terpapar sekiranya Kod QR tersebut bukan merupakan Kod QR yang diperolehi melalui portal Ezbiz Online.
15.	Mengapa output imbasan Kod QR memaparkan notifikasi “Tiada Rangkaian. Periksa sambungan internet anda dan cuba lagi.”?	Notifikasi ini terpapar sekiranya sambungan rangkaian Internet tidak stabil.
16.	Bagaimana untuk memuat naik Kod QR SSM BizTrust pada media sosial (i.e. Instagram)	<p>Pilihan I</p> <p>Langkah 1: Muat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Buka akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan.</p> <p>Langkah 3: Klik ‘+’, pilih ‘Post’ dan muat naik imej Kod QR SSM BizTrust.</p> <p>Langkah 4: Klik ‘→’ dan tulis kapsyen yang bersesuaian.</p> <p>Langkah 5: Klik ‘✓’ dan imej Kod QR SSM BizTrust akan terpapar.</p>

		<p>Pilihan II</p> <p>Langkah 1: Muat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Buka akaun Instagram perniagaan yang didaftarkan.</p> <p>Langkah 3: Klik '+', pilih 'Story' dan muat naik imej Kod QR SSM BizTrust.</p> <p>Langkah 4: Klik 'Your Story' dan imej Kod QR SSM BizTrust akan terpapar.</p> <p>Langkah 5: Pilih 'Story' tersebut sebagai 'Highlight' pada akaun Instagram perniagaan.</p>
17.	Bagaimana untuk memuat naik Kod QR SSM BizTrust pada media sosial (i.e. Facebook Page)	<p>Langkah 1: Muat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Log masuk akaun Facebook Page perniagaan yang didaftarkan.</p> <p>Langkah 3: Klik 'New Feed' dan 'Photo' untuk muat naik Kod QR SSM BizTrust pada Facebook Post.</p> <p>Langkah 4: Klik 'Publish' dan imej Kod QR SSM BizTrust akan terpapar.</p> <p>Langkah 5: Klik 'Pin to Post' untuk kekalkan imej pada Timeline Facebook Page.</p>

18.	Bagaimana untuk memuat naik Kod QR SSM BizTrust pada laman sesawang perniagaan?	<p>Langkah 1: Muat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Muat naik Kod QR SSM BizTrust di bahagian yang bersesuaian (contoh: pada bahagian footer atau pada tab ‘Tentang Kami’).</p> <p>Nota: Skala minima paparan Kod QR SSM BizTrust adalah 3.0 cm per segi dan jelas untuk diimbas.</p>
19.	Bolehkah Kod QR SSM BizTrust dipaparkan pada laman Facebook peribadi?	Pemilik digalakkan menggunakan laman Facebook Page perniagaan bagi tujuan membina jenama perniagaan yang diperakui sah di sisi undang-undang.
20.	Sekiranya saya tidak mempunyai platform dalam talian, bolehkah saya paparkan Kod QR SSM BizTrust di premis perniagaan?	<p>Pemilik premis boleh dan amat digalakkan untuk memperkenalkan Kod QR SSM BizTrust di premis perniagaan.</p> <p>Pada masa ini, Kod QR SSM BizTrust hanya diperkenalkan kepada entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (ROBA 1956) sahaja.</p>
21.	Bagaimana untuk paparkan Kod QR SSM BizTrust?	<p>Langkah 1: Muat turun Kod QR SSM BizTrust melalui portal Ezbiz Online.</p> <p>Langkah 2: Cetak imej Kod QR SSM BizTrust dan pamerkan di premis perniagaan.</p>

		Nota: Skala minima paparan Kod QR SSM BizTrust adalah 3.0 cm per segi dan jelas untuk diimbas.
22.	Bolehkah Kod QR SSM BizTrust dipaparkan pada laman sesawang / media sosial yang bukan hak milik perniagaan tersebut?	Tidak dibenarkan.
23.	Kenapa aplikasi MySSM sahaja yang boleh digunakan untuk mengimbas Kod QR SSM BizTrust?	Aplikasi MySSM merupakan aplikasi mudah alih yang berintegrasi dengan pangkalan data SSM. Sehubungan itu, paparan maklumat pada Kod QR SSM BizTrust selari dengan maklumat yang terdapat di pangkalan data SSM.
24.	Bagaimana kaedah untuk memperbaharui Kod QR SSM BizTrust ini?	Maklumat pada Kod QR BizTrust SSM adalah selari dengan maklumat yang didaftarkan di dalam portal Ezbiz Online. Oleh itu, sekiranya status perniagaan telah tamat tempoh, pemilik akaun tersebut dikehendaki memperbaharui perniagaan mereka dalam talian untuk memastikan status kekal aktif.

25.	<p>Saya menjalankan perniagaan secara dalam talian dengan menggunakan dua (2) platform yang berlainan (cth: Facebook, Instagram), adakah maklumat alamat URL perniagaan bagi kedua-dua platform ini boleh dikemaskini di portal Ezbiz Online?</p>	<p>Ya, pengguna boleh mengemaskini alamat URL perniagaan di portal Ezbiz Online tanpa had.</p>
-----	---	--